

14 DEC 1997

Sidang-Tiba

LAGI PEMIMPIN ASEAN TIBA BAGI SIDANG KEMUNCAK TIDAK RASMI ASEAN

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Beberapa lagi pemimpin Asean tiba hari ini bagi sidang kemuncak tidak rasmi kedua Asean yang bermula dengan jamuan malam yang akan diraikan oleh pengerusi persidangan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Persidangan tiga hari itu yang diadakan di tengah-tengah krisis kewangan serantau, akan dihadiri oleh lapan pemimpin dari sembilan negara anggota Asean.

Yang tidak hadir ialah Presiden Indonesia, Suharto yang membatalkan lawatannya atas nasihat doktor. Beliau akan diwakili oleh Menteri Luar Ali Alatas.

Pertemuan ini juga dikenali sebagai sidang kemuncak memperingati ulangtahun ke-30 Asean tahun ini. Asean dianggotai oleh Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Antara yang tiba awal hari ini ialah Presiden Filipina Fidel Ramos, Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

Yang tiba semalam ialah Sultan Brunei Hassanal Bolkiah dan pengerusi Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar Than Shwe.

Yang turut dijadual tiba hari ini ialah Presiden China Jiang Zemin, Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto dan Perdana Menteri Korea Selatan Koh Kun.

Ketiga-tiga mereka akan menghadiri sidang kemuncak dengan Asean buat pertama kali petang esok. Persidangan itu juga dikenali sebagai sidang kemuncak Asean Campur Tiga.

Pertemuan para pemimpin Asia Timur ini juga dijangka akan memberi tumpuan terhadap krisis kewangan yang teruk melanda rantau ini dan mengakibatkan Korea Selatan, Indonesia dan Thailand meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Hashimoto dijangka akan mengumumkan bantuan bagi pemulihan negara-negara Asean yang dilanda krisis mata wang. Jepun ialah pelabur asing terbesar di Asia Tenggara dan juga merupakan rakan dagang terbesar Asean. Perdagangan Asean-Jepun tahun lepas berjumlah AS\$116.5 bilion.

Para pegawai berkata Jepun dijangka tetap dengan keputusan yang dibuat di Manila bulan lepas mengenai tabung kemudahan yang berkaitan dengan IMF bagi menstabilkan krisis mata wang itu.

Sidang kemuncak Asean Campur Tiga itu juga dilihat sebagai "de facto" Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan oleh Malaysia pada 1990 tetapi masih belum mendapat sokongan penting Jepun berikutan tekanan Amerika Syarikat kerana perkumpulan itu tidak melibatkan Washington.

Satu lagi agenda penting bagi para pemimpin itu ialah untuk mengkaji prospek Asia Timur dalam abad ke-21 dan membincangkan dengan lebih lanjut hubungan Asia-Eropah berikutan Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di London tahun depan.

Halangan utama di sini ialah bantahan Eropah terhadap kehadiran Myanmar, yang menyertai Asean tahun ini, pada mesyuarat itu.

Asean mengadakan sidang kemuncak tidak rasmi yang pertama di Jakarta tahun lepas. Pertubuhan itu mengadakan sidang kemuncak rasminya setiap tiga tahun sekali dan Vietnam dijadual menjadi tuan rumah sidang kemuncak rasmi yang berikutnya tahun depan. -- BERNAMA

MAM RON